



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH BARAT DAYA
PULAU PINANG**

**Dokumen Sebutharga
No.Sebutharga : PDTDBD/PGD/04/2019**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA
SENJATA DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH BARAT DAYA
BAGI TEMPOH SATU [1] TAHUN
MULAI 1 JANUARI 2020 – 31 DISEMBER 2020**

Tarikh Tutup:

17 September 2019

URUSETIA

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH BARAT DAYA
PULAU PINANG
(BAHAGIAN PENGURUSAN DAERAH)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA
SENJATA DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH
BARAT DAYA BAGI TEMPOH SATU [1] TAHUN MULAI
01 JANUARI 2020 – 31 DISEMBER 2020**

NO. SEBUTHARGA : PDTDBD/PGD/04/2019

Arahan-Arahan Kepada Penyebut Harga :

Sila ambil perhatian bersama-sama ini dilampirkan arahan-arahan berikut:-

- Lampiran A : Kenyataan Tawaran Sebut Harga
- Lampiran B : Senarai Semak Sebut Harga
- Lampiran C : Arahan Kepada Penyebut Harga
- Lampiran D : Syarat-syarat Tawaran
- Lampiran E : Spesifikasi Kerja dan Tanggungjawab
- Lampiran F : Borang Tawaran Sebut Harga (Lampiran Q)
- Lampiran G : Borang Keterangan Mengenai Penyebutharga
- Lampiran H : Borang Kedudukan Kewangan Penyebutharga
- Lampiran I : Surat Akuan Pembida
- Lampiran J : Surat Akuan Pembida Berjaya
- Lampiran K : Borang Asas-Asas Perkiraan Harga (Costing)
- Lampiran L : Borang Senarai Pengalaman Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH BARAT DAYA
PULAU PINANG**

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : PDTDBD/PGD/04/2019

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **220801** dalam bidang perkhidmatan dibenarkan bagi menyertai sebut harga berikut:-

**“PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI PEJABAT
DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA BAGI TEMPOH SATU [1] TAHUN
MULAI 1 JANUARI 2020 – 31 DISEMBER 2020”**

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan sysP boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web sysP**.
3. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh:	:	05 September 2019 (Khamis)
Masa	:	10.30 pagi
Tempat	:	Ruang Legar Kaunter Utama Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya
Kehadiran	:	Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan) (sila bawa bersama cop syarikat)

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang **mulai 6 September 2019**.

5. Dokumen tawaran sebutharga yang telah lengkap diisi, berserta profail syarikat dan maklumat pengalaman beserta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebutharga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 17 September 2019 (Selasa)** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **PDTDBD/PGD/04/2019** di **Bahagian Pengurusan Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya, Balik Pulau, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit.
7. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

**Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Daerah Barat Daya
Pulau Pinang**